

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD FASIAH
BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa dan setakat manakah terdapat perbezaan undang-undang syariah di antara negeri-negeri di negara ini dan apakah langkah Kerajaan bagi menyeragamkan undang-undang syariah di negara ini bagi mengelakkan salah faham dan kekeliruan di kalangan umat Islam dan melicinkan serta memperkemaskan pentadbiran undang-undang syariah.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATUK DR. HAJI ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa perkara yang berkaitan dengan hal ehwal Islam adalah terletak di bawah bidang kuasa perundangan negeri. Fasal (2) Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa:

“... Badan Perundangan sesuatu Negeri boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu per satu dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan)...”

2. Perkara yang berkaitan dengan hal ehwal Islam dinyatakan satu persatu dalam Butiran 1, Senarai Kedua, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Kuasa untuk menggubal undang-undang bagi mentadbir dan mengawal selia semua perkara yang berkaitan dengan hal ehwal Islam adalah terletak pada Dewan Undangan Negeri bagi setiap negeri di Malaysia. Dalam erti kata lain, badan yang mempunyai bidang kuasa untuk menggubal undang-undang syariah ialah Dewan Undangan Negeri di setiap negeri. Oleh yang demikian, undang-undang syariah yang digubal oleh satu Dewan Undangan Negeri sudah tentu akan berbeza dengan undang-undang Syariah yang digubal oleh Dewan Undangan Negeri yang lain.

3. Sebelum suatu rang undang-undang syariah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri tertentu ia akan dibincangkan dan diperhalusi terlebih dahulu di peringkat Majlis Agama Islam Negeri yang akan memutuskan perkara-perkara dasar berkaitan dengan undang-undang yang hendak digubal. Pelbagai pihak yang berkepentingan di peringkat negeri akan dirundingi oleh Majlis Agama Islam Negeri untuk mendapatkan pandangan dan maklum balas. Dalam menentukan perkara-perkara dasar tersebut, Majlis Agama Islam Negeri pastinya akan mengambil kira keadaan atau situasi semasa (*waqi'*) di negeri yang berkenaan. Dalam isu-isu tertentu, keadaan dan situasi semasa di suatu negeri mungkin berbeza dengan negeri-negeri yang lain dan ia mewajarkan keputusan dasar perundangan yang berbeza untuk menangani isu-isu tersebut. Keputusan dasar perundangan yang berbeza sudah tentu akan menghasilkan peruntukan undang-undang yang berbeza kerana undang-undang itu sifatnya perlu dinamik dan progresif agar ia terus kekal relevan mengikut peredaran masa dan *waqi'* setempat.

4. Sungguh pun begitu, ia bukanlah alasan bagi Kerajaan di peringkat persekutuan untuk tidak berusaha ke arah penyeragaman undang-undang syariah. Walaupun pun asaha untuk menyeragamkan undang-undang syariah itu sepenuhnya bukanlah suatu perkara yang mudah, kerajaan telah, sedang dan akan terus berusaha sedaya upaya untuk sekurang-kurangnya meminimumkan ketidakseragaman tersebut.

5. Kerajaan, melalui Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil, Jabatan Kamajuan Islam Malaysia (JAKIM) (atau dikenali sebagai "Jawatankuasa Teknikal"), sentiasa berusaha dan bekerjasama dengan agensi-agensinya di peringkat negeri khususnya Majlis Agama Islam Negeri untuk menyelaraskan dan menyeragamkan undang-undang syariah di negeri-negeri. Jawatankuasa Teknikal, yang merupakan salah satu jawatankuasa yang bernaung di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI), berperanan, antara lain, untuk menyelaraskan dan menyeragamkan undang-undang syariah di negeri-negeri seluruh Malaysia.

6. Kerajaan, melalui Jawatankuasa Teknikal dan kerjasama pelbagai pihak di peringkat negeri, telah berjaya menyeragamkan lima undang-undang syariah utama iaitu undang-undang pentadbiran agama Islam, undang-undang keluarga Islam, undang-undang tatacara jenayah syariah, undang-undang tatacara mal Mahkamah Syariah dan undang-undang keterangan Mahkamah Syariah. Justeru, bagi menjawab persoalan setakat mana terdapat perbezaan undang-undang syariah di negeri-negeri, saya ingin menegaskan bahawa tidak semua undang-undang syariah di negeri-negeri itu berbeza dan tidak seragam. Sebahagiannya telah berjaya diseragamkan oleh kerajaan dan ia melibatkan undang-undang syariah utama seperti yang telah saya dijelaskan.

7. Kerajaan, melalui JAKIM, juga telah membentangkan cadangan untuk menyeragamkan undang-undang syariah yang lain termasuk undang-undang jenayah syariah dan undang-undang profesion guaman syarie kepada negeri-negeri melalui Majlis Dialog Undang-Undang dan Persidangan Penyelarasan Undang-Undang Syarak dan Sivil untuk mendapatkan pandangan dan maklum balas negeri-negeri. Cadangan tersebut telah dipersetujui oleh negeri-negeri. Cadangan tersebut juga telah dibentangkan oleh JAKIM dalam Mesyuarat MKI dan telah dipersetujui oleh MKI. Selain itu, cadangan untuk menyeragamkan undang-undang jenayah syariah itu juga telah disembah perkenan oleh JAKIM kepada Majlis Raja-Raja dan telah diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja. Walau bagaimanapun, penyeragaman undang-undang jenayah syariah tersebut masih tidak dapat dilaksanakan buat masa ini untuk memberi laluan kepada pindaan Akta 355 yang akan meningkatkan bidang kuasa membicara dan bidang kuasa menghukum Mahkamah

Syariah yang akan memberi kesan secara langsung terhadap hukuman-hukuman yang diperuntukkan di bawah undang-undang jenayah syariah tersebut.

8. Kerajaan, melalui JAKIM, juga sedang giat melaksanakan usaha untuk memberikan penerangan kepada negeri-negeri berkenaan peruntukan-peruntukan Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) [Akta 814] sebagai salah satu inisiatif untuk membantu negeri-negeri dalam menggubal undang-undang profesion guaman syarie yang seragam dengan menjadikan Akta 814 tersebut sebagai panduan dan rujukan.

9. Kerajaan juga akan membentangkan Rang Undang-Undang Wakaf (Wilayah-Wilayah Persekutuan) ("RUU Wakaf") pada Disember ini. RUU Wakaf tersebut juga telah dibentangkan oleh Jawatankuasa Teknikal kepada negeri-negeri dan ia digubal setelah mengambil kira pandangan dan maklum balas daripada negeri-negeri. Setelah RUU Wakaf ini diluluskan kelak, maka Kerajaan, melalui JAKIM, akan terus berunding dan memberi penerangan kepada negeri-negeri mengenai RUU Wakaf tersebut. Kerajaan berhasrat dan berharap agar negeri-negeri dapat menjadikan RUU Wakaf tersebut sebagai undang-undang model dalam menggubal undang-undang wakaf yang seragam di negeri-negeri seluruh Malaysia.

10. Selain daripada usaha penyeragaman undang-undang syariah, Kerajaan juga sentiasa peka mengenai penyelarasan penguatkuasaan dan pendakwaan syariah di negara ini. Kerajaan, melalui Bahagian Penyelarasan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah JAKIM, sentiasa berusaha dan bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan dan pendakwaan syariah negeri-negeri untuk memastikan penguatkuasaan dan pelaksanaan undang-undang syariah di negeri-negeri dapat diselaras dan diseragamkan demi untuk kepentingan keadilan.

Sekian, terima kasih.